

Refleksi Islam dalam Pakaian Tradisional Melayu: Baju Kurung

Asliza bt. Aris (Ph.D)

Universiti Teknologi MARA
aslizaaris@yahoo.com

Norwani bt. Md. Nawawi (Prof. Madya Dr.)

Universiti Teknologi MARA
nmn572000@gmail.com

Saemah bt. Yusof (Ph.D)

Universiti Teknologi MARA
saemah1711@yahoo.com

ABSTRAK

Pemakaian pakaian tradisional Melayu merangkumi beberapa jenis pakaian lelaki dan perempuan. Kajian ini mengkhususkan kepada pemakaian Baju Kurung dalam masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia. Secara umum pemakaian Baju Kurung kerap kali dikaitkan dengan kesopanan adat resam budaya Melayu. Hal ini berkait rapat dengan ajaran Islam yang telah lama bertapak dalam masyarakat Melayu iaitu dipercayai sejak abad ke-12 melalui penemuan batu nisan bertulisan Jawi di Pekan, Pahang (Mohd. Mokhtar Shafii, 1980). Baju Kurung lahir melalui asimilasi budaya yang masuk ke Tanah Melayu (nama Semenanjung Malaysia pada masa itu) oleh pedagang-pedagang asing (Siti Zainon Ismail, 2006). Baju Kurung sangat terkenal dengan rupabentuknya yang longgar dan labuh untuk kedua-dua lelaki dan perempuan, sesuai dengan kehendak pakaian Islam yang menuntut umatnya menutup aurat. Pemakaian Baju Kurung yang asal, bagi kaum perempuan juga mengambil kira gaya pakaian Islam dengan mengenakan penutup kepala yang dipanggil kelubung. Walhal, penutup kepala bukan merupakan satu budaya perempuan Melayu sebelum kedatangan Islam. Begitu juga dengan Baju Kurung yang dipakai oleh kaum lelaki. Dalam tulisan *Sejarah Melayu* disebut, baju yang sempit dan pendek telah dilonggarkan dan dilabuhkan oleh Temenggung Tun Hassan (Siti Zainon Ismail, 2006). Seterusnya, melalui kajian kontekstual dapat dibuktikan bahawa pengayaan Baju Kurung bukan satu kebetulan tetapi mempunyai falsafah Islam yang didukung oleh masyarakat Melayu sejak dahulu lagi.

Kata kunci: Islam, Melayu, Baju Kurung, tradisional

PENGENALAN

Islam telah mula bertapak di Tanah Melayu seawal tahun 1303 (702 Hijrah) di mana telah dijumpai Batu Bersurat Terengganu pada tahun 1887 di Kuala Berang. Selain daripada penemuan Batu Bersurat Terengganu, terdapat juga tinggalan yang lebih awal iaitu batu nesan yang bertulisan jawi yang dikesan di Pekan, Pahang pada tarikh 419 Hijrah (*Persatuan Sejarah Malaysia*, 1980). Kesan dari kedatangan Islam telah mendorong raja-raja Melayu menjalankan pemerintahan mengikut hukum-hukum Islam (Liaw Yock Fang, 2003). Antaranya ialah cara berpakaian. Umumnya, cara berpakaian dalam Islam menuntut umatnya yang telah baligh menutup aurat; iaitu menutup tubuh badan antara pusat ke lutut bagi kaum lelaki dan keseluruhan badan kecuali muka dan tapak tangan bagi perempuan.

Kebiasaan berkemban sebagai penutup badan di kalangan perempuan Melayu, iaitu memakai kain sarung yang diikat di dada dan dilepas hingga ke betis menjadi titik permulaan kepada perkembangan pakaian di alam Melayu. Dengan kedatangan Islam, kaum wanita diarah memakai sehelai sarung di atas kemban tersebut untuk menutup kepala dan bahagian bahu yang terdedah. Sehelai lagi sarung dipakai dengan cara mengikatnya di pinggang. Panjang kain sarung tersebut labuh hingga ke buku lali. Dengan demikian dapat dilihat contoh pakaian kebesaran Cik Siti Wan Kembang yang terdiri daripada kemban, kain sarung dan selendang panjang ditambah dengan perhiasan seperti dokoh, gelang dan pending.

Sultan Kelantan juga pernah mewartakan kepada sesiapa wanita yang keluar berkemban tanpa penutup kepala akan dihukum dengan disapu selut atau cat hitam di tubuh dan muka mereka (Siti Zainon Ismail, 2006). Ini juga menandakan keprihatinan pemerintah terhadap pelaksanaan hukum Islam di kalangan masyarakat Melayu ketika itu.

BAJU KURUNG

Secara umumnya, Baju Kurung dipakai oleh lelaki dan perempuan Melayu di Nusantara. Bentuk Baju Kurung adalah labuh dan longgar dan dikategorikan dalam jenis pakaian tunik kerana untuk memakai baju tersebut ke badan adalah dengan cara menyarung baju tersebut melalui kepala. Pada asalnya Baju Kurung yang dipakai oleh kaum lelaki dipadankan dengan kain sarung. Setelah pelbagai jenis seluar diperkenalkan Baju Kurung mula dipadankan dengan seluar. Sementara Baju Kurung yang dipakai oleh kaum perempuan dipakai dengan kain sarung yang digayakan dengan ikatan ombak mengalun (Zubaidah Shawal, 1994).

Terdapat tiga jenis potongan Baju Kurung untuk perempuan, iaitu Baju Kurung Pesak Buluh, Baju Kurung Potong Riau dan Baju Kurung Cekak Musang (Figura 1 dan Figura 2). Kaum perempuan memakai baju ini dengan kain sarong yang diikat dengan gaya ombak mengalun. Sementara kaum lelaki hanya memakai Baju Kurung Pesak Buluh dan Baju Kurung Cekak Musang yang dipadankan dengan seluar panjang. Perbezaannya terletak pada potongan leher, kekek dan pesak (Mohd. Said Sulaiman, 1931). Baju Kurung lelaki juga lebih dikenali dengan panggilan Baju Melayu. Kemungkinan nama ini diberi untuk membezakan penggunaan baju di antara lelaki dan perempuan.

Lewat 1800 Sultan Johor, Sultan Abu Bakar telah menamakan baju Melayu yang dipakai oleh orang-orang Johor sebagai Baju Kurung Teluk Belanga. Baju ini dikhususkan dengan jahitan tulang belut di sekeliling lubang lehernya (Mohd. Said Sulaiman, 1931). Dalam buku *Sejarah Melayu* juga ada menyatakan bahawa Baju Kurung yang asal mempunyai potongan yang kecil dan pendek. Potongan ini telah diubah oleh Tun Temenggung Hassan menjadi longgar dan labuh menutupi bahagian punggung (Siti Zainon Ismail, 2006:181).

FIGURA 1
Baju Kurung Pesak Buluh





FIGURA 2
Baju Kurung Cekak Musang Menggunakan Pesak Gantung.



RUPABENTUK BAJU KURUNG

Rupabentuk Baju Kurung terdiri daripada pola-pola geometrik yang berbentuk segiempat dua sama yang menjadikan bahagian badan dan lengan, segiempat tak sama untuk pesak, segiempat sama yang dilipat menyerong pada penjurunya untuk membentuk segi tiga dua sama dan membentuk kekek dan bulatan yang ditebuk untuk lubang leher. Manakala kain sarung berbentuk empat segi dua sama yang berukuran lebihkurang 1.15 meter labuh dan 0.85 meter lebar setelah disambung kedua-dua puncanya. Semasa pemerintahan Sultan Ibrahim (1886 – 1919), sekeping kekek kecil ditambah di bahagian kiri badan, di antara ketinggian dada dan pinggang (Siti Zainon Ismail, 2006). Di pertengahan 1950an, poket ini dibuat tersorok di antara pesak supaya tampak kemas.

Sebelum dipengaruhi oleh pakaian barat, pola asal seluar panjang yang digunakan oleh kaum lelaki berbentuk segiempat yang dipotong kepada dua bahagian untuk menghasilkan kaki seluar. Bahagian cawat seluar ditambah dengan sekeping kain berbentuk empat segi atau tiga segi yang dipotong menyerong sebagai pesak. Bahagian pinggang pula ditambah dengan sekeping kain berbentuk empat segi panjang yang dipanggil tongkah. Antara rekaan seluar yang terhasil melalui potongan ini adalah Seluar Aceh dan Seluar Gunting Cina (Zubaidah Shawal, 1994). Jenis seluar ini besar dan longgar. Di bahagian pinggang, sekeping kain yang lebarnya lebihkurang sejengkal disambung dan dinamakan tongkah. Apabila memakai seluar jenis ini bahagian tongkah akan ditemukan ke tengah badan dari tepi kiri dan kanan badan dan dilipat-lipat sehingga ketat di bahagian pinggangnya. Kemudian bahagian ini

dikemaskan dengan kain bengkung dan sampung. Labuh seluar hingga ke paras betis dan ada yang labuh ke buku lali.

Sesuai dengan ungkapan Melayu-Riau yang berbunyi, “...kibar-berkibar ditiup angin, tidak sempit menyampul nangka ... aib tertutup malu tersimpan, sesuai adat dengan syarak,” yang bermaksud potongan pakaian tersebut tidak sendat, malah longgar yang berpadanan dan mengikut hukum syarak (Tenas Effendy, 2005:6). Snouck Hurgronje, seorang pakar sejarah berbangsa Belanda pernah menyatakan, potongan seluar yang lebar pada bahagian cawat seluar ini adalah ciri khas sebagai indikasi pakaian orang Islam (Siti Zainon Ismail, 2006:195).

PENGGAYAAN BAJU KURUNG TRADISONAL

Gaya asal Baju Kurung bagi kaum perempuan ialah baju, kain sarong yang diikat ombak mengalun, bersanggul dan kain kelubung (Figura 3). Bahagian leher baju yang berbelah dikancing dengan butang bermata satu yang dipanggil ‘garam sebuku’ (Abbas Alias dan Norwani Md. Nawawi, 2003). Manakala bagi kaum lelaki, selain kain sarung, baju boleh dipakai dengan seluar panjang. Apabila berseluar panjang, gaya ini dilengkapi dengan kain sampin dan destar. Bagaimanapun pada hari ini gaya berbaju kurung telah diringkaskan mengikut kesesuaian semasa.

Hari ini kaum perempuan yang bertudung memakai pelbagai jenis fesyen penutup kepala yang terdiri daripada skaf, mini telekung dan selendang panjang. Ia diikat dan dililit untuk menutup rambut mengikut gaya dan fesyen semasa. Sementara itu, wanita yang tidak bertudung bebas melepaskan rambut tanpa perlu bersanggul. Bagi kaum lelaki pula, kerap kali Baju Kurung dipakai dengan seluar tanpa mengenakan kain sampin. Destar tidak lagi dipakai sebagai pakaian harian. Sebagai ganti, songkok dan kopiah dipakai ketika hendak menunaikan solat atau ketika menghadiri majlis berbentuk keagamaan dan budaya.

FIGURA 3
Baju Kurung Teluk Belanga (Women)
Sumber: Arkib Malaysia



TATACARA BERPAKAIAN MELAYU

Dalam *Pakaian Cara Melayu* (Siti Zainon Ismail, 2006:156) ada menjelaskan gabungan jenis pakaian yang menjadikan pakaian Melayu itu satu persalinan yang lengkap. Beliau merujuk kepada kain, baju dan seluar yang menjadi asas pakaian yang disebut 'tiga persalinan' dan menjadi lebih lengkap apabila ditambah dengan hiasan kepala dan ikat pinggang, yang disebut sebagai 'lima persalinan'. Dalam *Sejarah Melayu* juga menghadkan penggunaan warna-warna yang membawa maksud kebesaran raja-raja daripada digunakan oleh masyarakat umum, contohnya, warna-warna kuning dan putih menjadi keutamaan dalam istiadat raja-raja Melayu (Syed Ahmad Jamal, 1992).

Sungguhpun begitu, tatacara pakaian Melayu juga menitik beratkan perlambangan sosial yang bermaksud untuk menjaga maruah diri si pemakai. Contohnya, bagi perempuan yang sudah berkahwin, apabila berkain sarung hendaklah meletakkan kepala kain di bahagian belakang. Sekiranya yang memakai kain sarung itu anak dara, maka kepala kain itu harus berada di sebelah hadapan. Bagi lelaki pula, apabila memakai sampin, yang bujang haruslah memakainya di atas lutut manakala yang sudah berkahwin memakai sampin separas betis (Tenas Effendy, 2005). Kaedah ini secara tidak langsung menjadi petunjuk kepada masyarakat status pemakai tersebut dan seterusnya membatasi pergaulan mengikut adat Melayu.

Tenas Effendy (2004) juga menggariskan lima etika berpakaian cara Melayu iaitu: pantang membuka aurat, pantang terlalu nipis, pantang terlalu ketat, pantang mengada-ada dan pantang memandai-mandai. Kelima-lima etika ini mencerminkan kesempurnaan rekaan pakaian Melayu khususnya yang terdapat pada Baju Kurung. Begitu juga dengan maksud kancing sebutir yang menutup bukaan leher baju tersebut dikatakan membawa maksud keesaan Allah. Sementara jahitan tulang belut yang

melingkari bulatan lubang leher membawa maksud kekukuhan ukhwah dalam satu jalinan yang kemas dan rapat.

TATACARA BERPAKAIAN DALAM ISLAM

Dalam *Al-Qur'an*, surah An-Nur ada menerangkan adab pergaulan dan berpakaian yang diwajibkan ke atas umatNya. Menurut Islam, pakaian yang wajib dipakai adalah pakaian yang menutup aurat. Abdul aziz Ismail (2005), menggariskan bahawa tiada ketetapan tentang bagaimana rekabentuk pakaian yang harus dipakai oleh orang Islam melainkan beberapa panduan yang diberikan seperti:

- i. Menutup aurat; iaitu dari bahagian pusat ke lutut (lelaki) dan keseluruhan anggota badan kecuali kedua tapak tangan dan muka (perempuan)
- ii. Tidak mengikut bentuk badan
- iii. Tidak menyerupai orang kafir
- iv. Tidak diperbuat daripada kain yang nipis sehingga menampakkan bayang atau kulit.
- v. Tidak menyerupai lelaki (untuk wanita)
- vi. Tidak menyerupai wanita (untuk lelaki)
- vii. Tidak memperlihatkan perhiasan diri kepada bukan muhrim (mahram).

Islam menggariskan bahawa keperluan menutup aurat itu adalah wajib dari pusat ke lutut bagi lelaki dan keseluruhan anggota badan kecuali tapak tangan dan muka bagi kaum perempuan. Dalam tatacara berpakaian dalam Islam juga tidak menitik beratkan fesyen atau rupa dan jenis pakaian yang dipakai. Asalkan pakaian tersebut tidak menunjukkan bentuk badan atau bayang dan tidak menggunakan kain nipis sehingga menampakkan warna kulit. Ini bermakna kain-kain nipis seperti *chiffon*, kain kasa, *georgette* dan seumpamanya tidak sesuai dipakai oleh orang Islam melainkan kain ini dilapik dengan *lining* (Asliza Aris, 2014).

Selain daripada itu, pakaian yang menyerupai lelaki tidak boleh dipakai oleh orang perempuan dan begitulah sebaliknya. Larangan ini bertujuan supaya tiada kekeliruan sehinggakan orang yang melihat cara seseorang itu berpakaian tidak dapat mengenali jantina si pemakai. Kaum perempuan juga dilarang memperlihatkan perhiasan diri kepada orang lain, terutama lelaki yang bukan dari kalangan suami dan adik beradiknya. Ini adalah sebagai satu perlindungan daripada terdedah kepada pandangan orang yang bukan muhrim.


BAJU KURUNG DARI SUDUT PERSPEKTIF ISLAM

Melalui analisa yang telah dilakukan, sememangnya Baju Kurung tradisional yang dipakai oleh orang Melayu adalah hampir kepada pakaian yang dianjurkan oleh Islam. Konsep pakaian tersebut yang menyebut 'kurung' sebagai mengurung atau melindungi pemakai daripada aib dan malu (Tenas Effendy, 2004). Walaupun kaedah menutup kepala menggunakan kelubung atau kain selendang tidak sempurna seperti yang dikehendaki Islam, tudung telah dijadikan sebahagian daripada struktur tradisi pakaian Melayu. Dari segi rupabentuk Baju Kurung yang dihasilkan, samada dalam bentuk lurus mahupun 'A', kedua-dua bentuk ini dipakai dengan gaya yang labuh dan longgar selaras dengan pakaian yang diunjurkan oleh Islam (Jadual 1).



Perlaksanaan ini dapat dilihat melalui tatacara memakai pakaian tersebut. Selain daripada rekabentuknya yang sedia longgar, padanan helaian pakaiannya dipakai secara berlapis. Figura 4 menunjukkan bagi pakaian wanita, lapisan pertama adalah kain sarung yang labuh dipakai menutupi bahagian pinggang ke bukulali. Lapisan kedua pula adalah baju yang longgar dan labuh sehingga menutupi lutut atau hingga ke paras betis. Lapisan ketiga adalah kain dagang luar yang menutupi bahagian punggung dengan cara ikatan atau di pegang pada paras pinggang. Seterusnya penutup kepala atau kelubung yang menutupi bahagian kepala ke dada. Konsep memelihara diri atau 'melindung diri dari aib' ini juga dapat dilihat dari cara pemakaian kain sarung yang mempunyai corak kepala kain. Bagi kaum perempuan, perletakan kepala kain di bahagian hadapan untuk anak dara dan bahagian belakang untuk perempuan berkahwin bukan hanya satu simbol status dalam masyarakat. Malah perletakan kepala kain ini membawa simbol 'pengurangan atau menutup aib' (Tenas Effendy, 2005).

Begitu juga dengan Baju Melayu yang dipakai oleh kaum lelaki. Lapisan pertamanya ialah seluar Aceh yang ditindih di bahagian cawat sebelah hadapan dan diikat dengan talipinggang. Bahagian seluar ini ditutupi pula dengan baju kurung yang labuh hingga ke paras paha. Dan akhirnya, lapisan ketiga bahagian pinggang ke lutut ini ditutupi pula dengan sehelai samping. Lapisan ini membuktikan betapa masyarakat Melayu begitu meneliti kehendak Islam dalam berpakaian sesuai dengan ungkapan, memakai biarlah 'mengikut adat, kelak nanti membawa aib'. Maksudnya, jika salah cara berpakaian, boleh mendatangkan fitnah kepada pemakai dan kelak membawa aib kepada dirinya sendiri.

Figura 4
Lapisan Baju Kurung Perempuan dan Lelaki



Jadual 1
Perbandingan dan Persamaan di antaraTatacara Berpakaian Melayu dan Islam

Faktor	Baju Kurung	Ciri Pakaian Muslim dan Muslimah
Nilai	<ul style="list-style-type: none"> - Menutup badan dan bersopan bersesuaian dengan adat Melayu - Selaras dengan ajaran Al-Quran. - Mempamerkan sifat pemakai. - Taat kepada pemerintah dsn memelihara adat. 	<ul style="list-style-type: none"> - Mengikut hukum syarak - Menunjukkan akhlak mulia dan bersifat memelihara sipemakai (menjaga maruah). - Taat kepada Allah - Ibadah
Siluet (Bentuk)	Lurus, Bentuk A 	Lurus, Bentuk A 
Gaya	<ul style="list-style-type: none"> - Mengikut tradisi Melayu - Labuh dan longgar 	<ul style="list-style-type: none"> - Mengikut hukum Al Quran. - Labuh dan longgar

	- Diperbuat daripada tekstil tempatan	- Diperbuat daripada tekstil yang tidak menampakkan bentuk badan dan nipis hingga menampakkan warna kulit.
Hiasan	- Bergantung kepada status sosial.	- Sederhana
Prinsip	- Menutup badan dan sopan - Warna-warna tertentu dikhususkan untuk raja, permaisuri dan pembesar-pembesar istana. - Menghormati perlambangan raja-raja	- Menutup aurat. - Tidak menyerupai orang kafir - Tidak meniru pakaian lelaki (bagi perempuan) dan sebaliknya. - Tidak bermegah-megah dan menggunakan perhiasan yang berlebihan. - Tidak menggunakan warna yang menonjol. - Disiplin
Jenis	- Baju Kurung Pesak Buluh - Baju Kurung Cekak Musang - Baju Kurung Potong Riau	- Jubah - Pakaian yang menepati syariat Islam.
Struktur	- Perempuan: Baju, kain, kelubung atau selendang - Lelaki: Baju, seluar, sampin dan destar atau baju, kain dan kopiah atau songkok	- Perempuan: Baju, kain labuh, jubah dan penutup kepala yang labuh hingga menutupi bahagian dada. - Lelaki: Baju yang labuh ke pinggul, seluar atau sarong yang melepasi lutut dan labuh yang tidak melebihi paras buku lali.
Fabrik	Pelbagai jenis fabrik luar dan tradisional.	Pelbagai jenis fabrik yang bersesuaian dengan prinsip pakaian Islam.

PERUBAHAN TERHADAP BAJU KURUNG PADA HARI INI

'Baju Kurung' yang ada di pasaran hari ini banyak yang mempunyai badan yang dilapis-lapis, kadang-kala kain nya juga berlapis dan tidak mempunyai sisi yang disusun ombak mengalun. Adakalanya baju dipadankan dengan *dress* panjang, kain berlipat di tengah belakang atau kain yang diperbuat daripada jenis kain yang memeri seperti *lycra*, *jersey* dan *knit*. Lengan baju juga diubah berlapis-lapis, kembang di pergelangan tangan dan adakalanya bercekak. Kebiasaannya pakaian sebegini dipopularkan sebagai 'Baju Kurung Moden' hanya kerana bentuk lehernya dikekalkan sepertimana Baju Kurung yang asal. Rekaan yang sebeginilah yang menjadikan 'Baju Kurung' disalah erti dalam adab pakaian. Ini disebabkan rekaan yang baru ini biasanya mengikut bentuk badan, ada yang menggunakan kain nipis, pendek dan tidak menutup kepala berbeza daripada adab berpakaian tradisional orang Melayu yang terdahulu.

Kebanyakan daripada Baju Kurung Moden ini tidak lagi menggunakan pola-pola Baju Kurung tradisional, iaitu tidak menggunakan pesak dan kekek. Di mana, ciri-ciri itulah yang antaranya menjadi ciri-ciri utama kepada pola Baju Kurung. Majalah-majalah fesyen dan pereka-pereka fesyen pula gemar mengetengahkan padanan baju dan kain labuh sebagai 'Baju Kurung Moden'. Tidaklah menjadi satu kesalahan untuk menjadikan pakaian tradisi itu sebagai inspirasi kepada yang baru kerana dengan adanya yang baru, yang tradisi itu tetap diingati dan dirujuk. Namun demikian, seharusnya apabila gaya, potongan dan rupanya telah menjadi baru, maka nama pakaian tersebut haruslah sejajar dengan fesyen yang diketengahkan tanpa perlu mengheret penggunaan nama tradisional untuk mempromosikan fesyen tersebut.

KESIMPULAN

Rumusan yang dapat digariskan di sini adalah Baju Kurung yang asal sememangnya direka dan digaya mengikut tatacara pakaian Melayu yang berteraskan hukum Islam. Pakaian tersebut, baik lelaki mahupun perempuan menghindari eksploitasi bentuk badan dan bertujuan melindungi maruah yang memakai pakaian tersebut. Ia juga dibentuk supaya mudah dapat mengerjakan ibadah seperti solat. Ini dibuktikan melalui potongan-potongan badan, lengan dan bukaan kaki seluar yang luas dan longgar. Bagaimanapun, oleh kerana kefahaman yang sedikit tentang asal-usul dan adab mengenakan Baju Kurung, maka rekaan-rekaan baru yang diinspirasikan daripada Baju Kurung tradisional telah diubah sifatnya mengikut selera pakaian moden. Seringkali kita melihat 'Baju Kurung Moden' yang ada pada hari ini diubah sifat dan gayanya sehingga tidak langsung menyerupai Baju Kurung. Namun, kenapa baju-baju moden yang dipakai oleh majoriti kaum Melayu ini masih menggunakan nama asalnya Baju Kurung? Apa yang telah didapati fahaman dan makna Baju Kurung itu sendiri amat longgar di kalangan masyarakat samada yang mereka pakaian tersebut (pereka fesyen), yang mempromosikannya (media) dan yang menggunakannya (konsumer). Oleh itu, jika manipulasi terhadap baju kurung ini dibiarkan, generasi baru tidak lagi kenal bentuk Baju Kurung dan prinsip-prinsip yang terbina dalam cara pakaian Melayu ini.

RUJUKAN

- Abbas Alias and Norwani Md Nawawi (2003). *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.
- Abdul Aziz Ismail (2005). *Aurat Lelaki & Wanita*. Kuala Lumpur, Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Asliza Aris (2014). *The Evolution and transformation of Baju Kurung in the Peninsular of Malaysia*. Tesis Ph.D. Univeristi Teknologi MARA.
- Azah Aziz (2006). *Rupa & Gaya Busana Melayu*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azah Aziz (1990). *Pakaian Melayu. Bengkel Mengenai Pakaian dan Tekstil di Kuala Terengganu*. Kuala Terengganu.
- Liaw Yock Fang (2003). *Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut dikaji dan diperkenalkan oleh Liaw Yock Fang*. Kuala Lumpur, Yayasan Karyawan.
- Mohd. Mokhtar Shafii (1980). *Batu Nesan Kurun ke 5H./10M di Pekan Pahang. Tamadun Islam di Malaysia*. K. K. Kim. Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohd. Said Sulaiman (Dato' Mejar Haji) (1931). *Pakai Patut Melayu*. Johor Baharu, Matbaat al-Attas.
- Siti Zainon Ismail (2006). *Pakaian Cara Melayu*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Syed Ahmad Jamal (1992). *Rupa & Jiwa*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.

Tenas Effendy (2005). *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.

Tenas Effendy (2004). *Etika Berpakaian Melayu*. *Busana Melaka*, Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA).

Tun Seri Lanang *Sulalat Al-Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur, Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zubaidah Shawal (1994). *Busana Melayu*. Kuala Lumpur, Jabatan Muzium & Antikuiti Malaysia.